

02 JUL 2000

POLIS SUDAH PUN MULAKAN SIASATAN KETERANGAN BEKAS KETUA PENGARAH BPR

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Polis berkata mereka sebenarnya telahpun memulakan siasatan terhadap keterangan bersumpah bekas ketua pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Datuk Shafie Yahya dalam perbicaraan liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Siasatan itu mengikut Seksyen 2 Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970), ekoran laporan yang dibuat oleh bekas timbalan perdana menteri itu pada 13 Jun di balai polis Tun H.S.Lee.

Ibu pejabat polis Bukit Aman di sini berkata demikian dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Supt Benjamin Hasbie, penguasa perhubungan awam polis.

"Ekoran daripada laporan polis yang dibuat oleh Anwar pada 13 Jun di balai polis Tun H.S.Lee berkaitan isu itu, polis sebenarnya telah pun membuka siasatan," kata Benjamin.

Keterangan mahkamah Shafie adalah berkaitan dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memberhentikan penyiasatan terhadap pengarah Unit Perancang Ekonomi ketika itu Tan Sri Ali Abul Hassan pada Jun 1998.

Dalam kenyataan Bukit Aman itu, polis juga mengesahkan telah menerima satu memorandum semalam daripada naib ketua Dewan Pemuda PAS pusat Salahuddin Ayub mendesak polis menyiasat keterangan Shafie itu.

-- BERNAMA

YBK RYN RON